

# 'Perangkap maut' simpang Ban 3, Tali Air 7

Oleh MOHD. HUSSAIRY SIDEK

kota@utusangroup.com.my

■ SABAK BERNAM 23 OGOS 2016

**K**EADAAN jalan yang rosak dan berlubang di persimpangan Ban 3, Tali Air 7, Sekinchan, di sini lebih setahun lalu diibaratkan penduduk sekitar sebagai 'perangkap maut' yang boleh mengancam nyawa dan keselamatan mereka.

Bagi Mohd. Zailani Ismail, 52, ramai yang bimbang berlaku kejadian tidak diingini di persimpangan berkenaan sekiranya pihak berwajib tidak mengambil tindakan segera.

Menurutnya, permukaan jalan di persimpangan terbabit didapati berlubang serta beralun dan



membahayakan pengguna kenderaan terutamanya pada waktu malam dan hujan lebat.

"Terdapat beberapa kes kemalangan kecil berlaku di jalan berkenaan dilaporkan sebelum ini.

"Janganlah sampai ada kemalangan maut baru hendak ambil tindakan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Tumisah Tarmuji, 60, berkata, kerosakan ja-

lan di persimpangan itu dipercayai berpunca daripada jentera berat terutama ketika musim menuai padi.

"Jalan ini mesti dibaiki semula sebab membahayakan pengguna jalan raya. Sepatutnya isu jalan ini tidak dipandang sepi pihak berkuasa tanpa tindakan segera," ujarnya.



**KEADAAN permukaan dan tebing jalan yang mengundang bahaya di Jalan Ban 3, Tali Air 7 di Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor.**

